

16 MAY 1997

PEMBINAAN EMPANGAN BAKUN BERMULA DISEMBER, KATA TING

BAKUN, 16 Mei (Bernama) -- Kerja pembinaan utama ke atas empangan hidroelektrik Bakun berharga RM15.5 bilion dijadualkan bermula pada Disember ini, dua bulan selepas kerja pengalihan sungai siap.

Pengerusi eksekutif Bakun Hydroelectric Corporation Bhd, Tan Sri Ting Pek Khiing berkata tenaga pekerja yang digunakan oleh kontraktor utama, konsortium ABB-CBPO, buat masa sekarang sedang meratakan tapak kem dan empangan untuk beribu-ribu pekerja.

Bercakap di persidangan berita selepas lawatan wartawan ke tapak projek tersebut di sini hari ini, beliau berkata kerja pembinaan ke atas empangan itu akan bermula apabila Sungai Balui dialih haluannya menerusi tiga terowong yang hampir siap.

Keseluruhan projek ini berjalan seperti yang dijadualkan dan akan siap pada tahun 2003, katanya.

Bagaimanapun, Ting mengakui bahawa penyiapan terowong berkenaan, yang sepatutnya hari ini, kini terlewat lima bulan.

Katanya penyiapan terowong itu tergendala disebabkan kesukaran pergerakan pada peringkat awal projek itu, dan keadaan cuaca dan tanah yang tidak diduga.

Tiga terowong tersebut akan menjadi pengalihan terowong yang terbesar di dunia dengan purata panjang 1.5 kilometer, katanya.

Beliau menolak khabar-khabar angin yang kononnya keruntuhan batu batan mungkin menyebabkan kelewatan dalam menyiapkan terowong itu, sambil menambah bahawa kerja berkenaan 80 peratus siap.

"Kami menjangka air akan mengalir menerusi terowong itu menjelang Oktober ini," kata Ting.

"Saya berpendapat para kontraktor dan juru runding telah menjalankan kerja yang baik. Ini jelas kelihatan," katanya sambil menambah bahawa masalah yang menyebabkan kelewatan telah diatasi.

Kontraktor bagi kerja pengalihan terowong adalah Dong Ah Construction Co Ltd dari Korea Selatan.

Ketika diminta menjelaskan kelewatan tersebut, Ting berkata Dong Ah memulakan kerja terdahulu sebelum dijadualkan bermula.

Biasanya, kerja membuat terowong sebesar ini akan mengambil masa dua tahun. Kerja ke atas terowong di projek Bakun hanya memakan masa 14 bulan, katanya.

Tambahan pula, kerja pembersihan oleh kontraktor empangan bagi menyiapkan tapak juga bermula serentak.

Urusan pergerakan sendiri mengambil masa satu setengah tahun bagi konsortium ABB-CBPO untuk mengambil antara 5,000 an 10,000 orang bekerja dalam pembinaan empangan itu.

Mengenai sama ada terowong yang lambat disiapkan itu akan mengakibatkan perbelanjaan tambahan, Ting berkata harga kontrak telahpun ditetapkan.

"Ia adalah kontrak siap guna, direka bentuk dan dibina pada harga yang disebut," katanya.

Berhubung tawaran awam permulaan (IPO) yang dibuat syarikat itu, kata Ting: "Kami akan gunakan IPO untuk mengumpulkan dana dari pasaran wang Malaysia.

"Jika dipinjam dari luar negeri, mereka mungkin menyatakan kerja seumpama ini agak sukar. Akan terdapat pula banyak syaratnya," kata beliau.

Ting menjelaskan bahawa projek Bakun adalah projek kebangsaan seperti yang pernah dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ia bukannya projek Ting Pek Khiing. Saya tidak mampu membayar projek ini.

"Saya tidak memerlukan projek ini untuk diri sendiri, tetapi ini adalah untuk Malaysia," jelasnya.

Bakun Hydro menawarkan sebanyak 225 juta saham, merangkumi 15 peratus daripada modal berbayar syarikat, kepada rakyat Malaysia pada harga RM2 sesaham.

Sebanyak 150 juta saham lagi (10 peratus) akan ditawarkan kepada pelabur-pelabur asing dan tempatan yang berminat. (Adalah difahamkan bagi melayakkan diri bagi bahagian tawaran ini, seseorang pelabur perlu melanggan sekurang-kurangnya satu juta saham).

Apabila disenaraikan kelak, Ting akan memegang 32 peratus kepentingan dalam Ekran Bhd, kerajaan negeri Sarawak 19 peratus, Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak sembilan peratus, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja lima peratus, Tenaga Nasional Bhd lima peratus, Khazanah Nasional Bhd lima peratus dan orang awam 25 peratus. -- BERNAMA

JR MA/sia